

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI perlukan peruntukan lebih besar untuk bangunkan sektor bioteknologi	BERNAMA
2.	PKS herba dijangka saksikan pertumbuhan 10-15 peratus setahun	BERNAMA
3.	Pertumbuhan PKS herba hingga 15 peratus setahun	Berita Harian
4.	Angkat industri herba	Harian Metro
5.	PKS sektor herba disasar berkembang 15%	Kosmo
6.	Industri herba terus berkembang	Sinar Harian
7.	Bidang teknologi inovasi sumbang kepakaran kepada negara	Utusan Online
8.	Kepakaran dalam bidang teknologi semakin berkembang	BERNAMA
9.	Zymeratics muncul juara SIC Asia Project	Berita Harian
10.	NADMA mulakan latihan hadapi banjir monsun Timur Laut di Terengganu	BERNAMA
11.	Siap sedia hadapi bencana banjir	Kosmo
12.	Gempa bumi kuat landa Mexico	BERNAMA
13.	Gempa bumi kuat di Kepulauan Vanuatu	BERNAMA
14.	Kertas siasatan pusat tahfiz hampir siap	Utusan Online



MOSTI Perlukan Peruntukan Lebih Besar Untuk Bangunkan Sektor Bioteknologi



KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** memerlukan peruntukan yang lebih banyak daripada kerajaan bagi menjalankan penyelidikan untuk pembangunan sektor bioteknologi menerusi perubatan herba dan tradisional.

Menterinya Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata bagi membolehkan kementerian membangunkan sektor ekonomi berasaskan bioteknologi, peruntukan yang banyak diperlukan untuk membangunkan infrastruktur bagi menjalankan kajian berkaitan perubatan herba dan tradisional.

"Kami ada pakar penyelidik namun kami tiada infrastruktur bagi kajian saintifik dalam perubatan herba. Suatu masa dulu kami terima peruntukan RM2 bilion daripada kerajaan," katanya kepada pemberita di luar Malam Media Persidangan Herba Asia 2017, di sini malam ini.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan jumlah peruntukan yang diperlukan kerana semua itu katanya bergantung kepada petunjuk Keluaran Dalam Negara Kasar negara.

"Perubatan herba masih dalam peringkat 'dakwaan' akan kebaikannya namun untuk pergi lebih jauh memerlukan ujian klinikal dan penyelidikan bagi membangunkannya sebagai drug," katanya.

Madius berkata untuk mengembangkannya sebagai perubatan moden, ubat-ubatan herba harus dibuktikan secara saintifik, diuji dan diluluskan oleh Lembaga Farmasi Malaysia.

"Kami harap kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak geran setanding negara maju untuk membolehkan kita mencapai tahap mereka dalam bidang bioteknologi," kata Madius.

Persidangan itu yang diadakan serentak dengan Persidangan dan Pameran Perdagangan Antarabangsa ke-10 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur berlangsung sehingga 22 Sept ini.

-- BERNAMA



PKS Herba Dijangka Saksikan Pertumbuhan 10-15 Peratus Setahun

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam industri herba dijangka mencatatkan pertumbuhan antara 10 dan 15 peratus setahun, kata Ketua Pegawai Eksekutif/Pengasas Herbal Asia, Safinah Yaakob.

Pertumbuhan itu akan didorong oleh pertambahan dalam pembabitan PKS baharu pada setiap tahun, berikutan peningkatan populariti produk herba dan semulajadi dikalangan pengguna.

"Kebanyakan PKS adalah daripada syarikat-syarikat bioteknologi," katanya.

Safinah berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran Pameran dan Persidangan Herba Asia 2017 oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** di sini hari ini.

Beliau berkata PKS menggunakan bioteknologi ke atas produk mereka bagi memiliki kelebihan nilai tambah dan inovasi untuk bersaing dalam pasaran global.

"Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi peneraju global yang utama memandangkan negara ini kaya dengan biodiversiti dan latar belakang kebudayaan," katanya, sambil menambah bahawa industri herba boleh mencecah RM32 bilion menjelang 2020.

Sementara itu, Madius berkata, pameran tersebut dijangka akan menjana jualan antara RM10 juta hingga RM20 juta selepas didorong oleh permintaan ke atas produk dan teknologi yang berasaskan herba.

"Herba Asia telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab perdagangan utama di Asia Tenggara.

"Industri herba, hijau dan semulajadi telah menjadi contoh yang boleh dibanggakan, apabila segmen itu mengoptimumkan inovasi dan teknologi ke atas aplikasi serta pengkomersilan," katanya.

Pameran yang bertemakan 'Towards A Sustainable Marketplace: Herbal Product Innovation, Natural Cosmetic and Halal Ingredient the Growing Industry', sedang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai hari ini sehingga 22 Sept 2017.

Antara acara menarik pada pameran itu ialah sesi pepadanan perniagaan, persidangan dan program herba Asia.

-- BERNAMA

Pertumbuhan PKS herba hingga 15 peratus setahun

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]



Madius (tengah) melawat ruang pameran sempena Pameran dan Persidangan Herba Asia 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terbabit dalam industri herba dijangka mencatatkan pertumbuhan antara 10 dan 15 peratus setahun, kata Ketua Pegawai Eksekutif/Pengasas Herbal Asia, Safinah Yaakob.

Pertumbuhan itu akan didorong oleh pertambahan dalam pembelian PKS baharu pada setiap tahun, berikutan peningkatan populariti produk herba dan semulajadi dalam kalangan pengguna.

"Kebanyakan PKS adalah daripada syarikat-syarikat bioteknologi," katanya.

Safinah berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran Pameran dan Persidangan Herba Asia 2017 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau di Kuala Lum-

pur, semalam.

Beliau berkata, PKS menggunakan bioteknologi ke atas produk mereka bagi memiliki kelebihan nilai tambah dan inovasi untuk bersaing dalam pasaran global.

"Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi peneraju global yang utama memandang negara ini kaya dengan biodiversiti dan latar belakang kebudayaan," katanya, sambil menambah bahawa industri herba boleh mencecah RM32 bilion menjelang 2020.

Sementara itu, Madius berkata, pameran itu dijangka menjana jualan antara RM10 juta dan RM20 juta selepas didorong oleh permintaan ke atas produk dan teknologi yang berasaskan herba.

"Herba Asia telah menjadikan

Malaysia sebagai salah satu hab perdagangan utama di Asia Tenggara.

"Industri herba, hijau dan semulajadi telah menjadi contoh yang boleh dibanggakan, apabila segmen itu mengoptimalkan inovasi dan teknologi ke atas aplikasi serta pengkomersilan," katanya.

Pameran yang bertemakan "Towards A Sustainable Marketplace: Herbal Product Innovation, Natural Cosmetic and Halal Ingredient the Growing Industry", sedang di adakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai semalam hingga 22 September ini.

Antara acara menarik pada pameran itu ialah sesi pepadanan perniagaan, persidangan dan program herba Asia.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 48
TARIKH: 21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)



WILFRED
Madius (dua
dari kanan)
melawat
tapak
pameran.

Dalam usaha meningkatkan dan membangunkan industri herba negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) mencadangkan satu majlis khas diwujudkan bagi meningkatkan perusahaan itu ke peringkat global.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, setakat ini MOSTI tidak mempunyai sebarang data mengenai jumlah

Kuala Lumpur

Angkat industri herba

pengusaha industri herba yang ada di dalam negara.

“Kita mempunyai banyak pengusaha industri herba di Malaysia.

Bagaimanapun, kita tidak dapat menyatakan berapa jumlah sebenar memandangkan tiada data khusus.

“Dengan mewujudkan satu majlis

khas ini, ia dapat memainkan peranan dalam melaksanakan penyelidikan serta pembangunan industri herba dan produk semula jadi tempatan,” katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Industri Herba, Hijau dan Semulajadi 2017 (PHA'17).

PKS sektor herba disasar berkembang 15%

KUALA LUMPUR - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam industri herba dijangka mencatatkan pertumbuhan antara 10 dan 15 peratus setahun.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Herbal Asia, Safinah Yaakob berkata, pertumbuhan itu akan didorong oleh pertambahan dalam pembabitan PKS baharu pada setiap tahun berikutan peningkatan populariti produk herba dan semula jadi di pasaran.

"Kebanyakan PKS merupakan syarikat-syarikat bioteknologi," katanya kepada pemberita sempena pelancaran Pameran dan Persidangan Herba Asia 2017 (Herba Asia) di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Ma-

dus Tangau.

Safinah berkata, PKS menggunakan bioteknologi ke atas produk mereka bagi memiliki kelebihan nilai tambah dan inovasi untuk bersaing dalam pasaran global.

"Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi peneraju global yang utama memandangkan negara ini kaya dengan kepelbagaian dan budaya," katanya.

Beliau menambah, industri herba boleh mencecah RM32 bilion menjelang tahun 2020.

Pameran Herba Asia sedang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sehingga 22 September 2017.

Antara acara menarik yang disediakan adalah sesi padanan perniagaan dan persidangan berkaitan industri herba. - Bernama



WILFRED (tengah) melihat herba-herba yang dipamerkan sempena Herba Asia 2017 di Kuala Lumpur semalam.

Industri herba terus berkembang

INDUSTRI herba terus berkembang apabila menyaksikan peningkatan antara 10 hingga 15 peratus setiap tahun pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam mengeluarkan produk hijau, herba dan semula jadi di negara ini.

Pengasas Pameran Perdagangan dan Persidangan Herbal Asia 2017, Safinah Yaakob berkata, berdasarkan pangkalan data sepanjang menganjurkan pameran itu yang memasuki tahun ke-10 tahun ini, sejumlah lebih 20,000 PKS terlibat dalam industri tersebut.

"Data ini tidak menyeluruh memandangkan ada syarikat bergerak sendiri dan eksport produk berasaskan herba ke luar negara.

"Berdasarkan data kami, kebanyakan pengusaha baharu ini terdiri daripada syarikat bioteknologi," katanya pada sidang media selepas pelancaran Pameran Perdagangan dan Persidangan Herbal Asia 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis berkenaan disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Safinah yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Gitex Global Exhibition Sdn Bhd (Gitex Global Exhibition) menyasarkan transaksi RM10 juta hingga RM20 juta pada pameran Herbal Asia tahun ini, berbanding RM5 juta hingga RM6 juta yang dicatatkan tahun lalu.

"Industri herba Malaysia dijangkakan mencapai RM32 bilion menjelang 2020.

"Kami yakin Herbal Asia akan mencatatkan jualan memberangsangkan didorong oleh peluang perniagaan dalam pameran ini selain peningkatan generasi muda yang menerokai industri tersebut," katanya.

Pameran Perdagangan dan Persidangan Herbal Asia 2017 disertai lebih 200 pamer yang melibatkan 200 ruang pameran.

Bertemakan Towards Sustainable Marketplace for Herbal, Green, Natural Product & Services, pameran itu berlangsung selama tiga hari bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



Safinah (dua, kiri) dan Madius (tengah) ketika pelancaran Pameran Perdagangan dan Persidangan Herbal Asia, semalam.



Bidang teknologi inovasi sumbang kepakaran kepada negara



TIMBALAN Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (dua,kiri) menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang sempena program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Sukan universiti itu di Gambang Kuantan hari ini. Yang turut kelihatan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim (dua dari kanan).-UTUSAN

KUANTAN 20 Sept. - Bidang teknologi inovasi dilihat mampu menyumbang kepakaran yang diperlukan kepada negara selepas diluluskan Kabinet tahun lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, Majlis Teknologi Malaysia (MBOT) akan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas di negara ini.

"Walaupun profesion ini masih baharu, tetapi ia boleh menyumbangkan sesuatu yang bernilai kepada industri di negara ini menerusi teknologi inovasi.

"Sudah ada beberapa universiti mendapat pengiktirafan daripada MBOT terhadap teknologi yang dihasilkan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Sukan universiti itu di Gambang di sini, hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim. - UTUSAN ONLINE



Kepakaran Dalam Bidang Teknologi Semakin Berkembang

KUANTAN, 20 Sept (Bernama) -- Bidang teknologi inovasi yang semakin berkembang di negara ini dijangka mampu melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan pakar dalam bidang itu untuk membantu memacu Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata penubuhan Majlis Teknologi Malaysia (MBOT) yang diluluskan kabinet pada tahun lepas juga jelas menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap tenaga kerja yang lahir dalam profesion itu.

"Kita akui rakyat masih kurang faham tentang bidang ini kerana ia masih baharu, namun untuk negara maju, ia bukan satu perkara asing. Bagaimanapun sudah ada beberapa universiti di negara ini mendapat pengiktirafan daripada MBOT terhadap teknologi yang dihasilkan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Penutupan Latihan Kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Sukan, UMP Gambang di sini, hari ini.

Turut hadir Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Presiden MBOT, Tan Seri Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus.

Seramai 120 penyelidik yang terlibat dalam Pameran Penyelidikan UMP TVET Exposition 2017 itu yang berlangsung selama dua hari bermula semalam.

Dalam Rancangan Malaysia ke-11 katanya, sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baharu akan dijana dengan 60 peratus daripadanya memerlukan kemahiran tinggi yang berkaitan dengan TVET.

Sementara itu, Daing Nasir berkata program bertujuan menyahut hasrat dan seruan kerajaan dalam mempromosikan TVET serta menarik minat pengamal teknologi dan juruteknik, khususnya graduan insitusi pengajian tinggi (IPT) serta insitusi latihan teknik dan vokasional, untuk bersama-sama mempamerkan hasil inovasi dan penyelidikan mereka.

Hasil inovasi dan penyelidikan itu kemudian didaftarkan dengan MBOT bagi mendapatkan pengiktirafan terhadap hasil ciptaan dan rekaan tersebut.

Selain UMP, IPT lain yang terlibat dalam pameran itu ialah Universiti Teknologi Petronas, Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris, TATI Universiti Kolej dan IKBN Besut.

-- BERNAMA

Zymeratics muncul juara SIC Asia Project



Abu Bakar (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Noor Hidayah selepas pertandingan akhir SIC Asia Project di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kuala Lumpur: Syarikat Zymeratics Sdn Bhd (Zymeratics) dipilih sebagai pemenang pertama Swiss Innovation Challenge (SIC) Asia Project, pada pertandingan akhir yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini, baru-baru ini.

Kemenangan itu membolehkan syarikat berkenaan membawa pulang wang tunai AS\$15,000 (RM62,800), trofi dan tiket pergi balik ke Switzerland.

Tempat kedua pula menjadi milik Infinity Easy Water Filter, manakala Blockchains.my dipilih sebagai pemenang tempat ketiga dan masing-masing membawa pulang AS\$5,000 (RM20,900) dan

AS\$3,000 (RM12,500).

Blockchains.my turut dipilih sebagai pemenang Hadiah Khas - Internationalisation Track, sekaligus membawa pulang wang tunai AS\$5,000 (RM20,900).

Pengkomersialan inovasi

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI)**, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Yang turut hadir, Timbalan Duta Switzerland ke Malaysia, Bardill Werner dan Pro Naib Canselor Kampus UTM Kuala Lumpur, Prof Dr Durrishah Idrus.

SIC Asia Project dianjurkan buat

kali pertamanya oleh UTM dengan kerjasama Kerajaan Switzerland bertujuan membangun dan mengembangkan perniagaan baharu di rantau Asia melalui pengkomersialan inovasi sains dan teknologi di negara ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Zymeratics, Noor Hidayah Shahidan, berkata kemenangan itu adalah diluar jangkaan kerana persaingan sengit diberikan oleh peserta lain.

"Syarikat kami mengetengahkan produk enzim dan berharap kemenangan ini akan membuka lebih banyak laluan untuk mengembangkan perniagaan ini ke peringkat global," katanya.



NADMA Mulakan Latihan Hadapi Banjir Monsun Timur Laut Di Terengganu

KUALA NERUS, 20 Sept (Bernama) -- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kini giat melakukan pelbagai latihan persediaan menghadapi banjir di Terengganu, melibatkan 100 pegawai daripada pelbagai jabatan di negeri ini.

Ketua Pengarah NADMA, Datuk Abdul Rashid Harun berkata mengikut laporan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, banjir di Pantai Timur dijangka bermula pertengahan November susulan Monsun Timur Laut.

"Sehubungan itu, NADMA mengorak langkah mengadakan program-program kesiapsiagaan berkaitan persiapan pengurusan bencana dan Terengganu negeri pertama yang memulakan latihan ini.

"Minggu depan kami akan adakan di Kelantan dan akan dibuat di semua negeri. Kami kumpulkan semua pegawai daerah, ketua polis daerah, pegawai Jabatan Pendidikan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk tahu apa kesiapsiagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup latihan itu di kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Kubang Badak di sini hari ini.

Latihan dua hari itu bertujuan mengetahui persiapan serta pelan kecemasan dan aset yang dimiliki agensi di setiap daerah bagi memudahkan penyelarasan ketika bencana banjir berlaku.

Abdul Rashid berkata sepanjang latihan itu juga, peserta didedahkan dengan tiga senario bencana yang berkemungkinan berlaku pada akhir tahun ini.

"Saya sangat berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan semua agensi di lapang daerah di Terengganu ini. Kami berharap hubungan erat semua agensi ini akan melancarkan semua urusan ketika bencana berlaku.

"NADMA juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan pegawai kami yang akan bertugas mengikut zon. Mereka yang dikenali sebagai pasukan sokongan kecemasan NADMA ini akan sentiasa turun padang sebelum, semasa dan pasca banjir untuk tujuan penyelarasan pelbagai urusan di lokasi bencana," katanya.

Ditanya mengenai risiko banjir kali ini, beliau berkata NADMA akan memantau kejadian air pasang yang dijangka berlaku selama tiga bulan bermula Oktober hingga Disember depan.

"Kami risaukan pertembungan dengan air hujan yang turun dari hulu (pedalaman) kerana musim Monsun Timur Laut ini, taburan hujan adalah banyak. Sekiranya air ini tidak dapat mengalir dengan baik susulan air pasang, kami risau banjir berlaku di kawasan hiliran. Kami akan memantau dan melakukan yang terbaik untuk atasi masalah ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata NADMA juga mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menjadi sebahagian rakan strategik NADMA bagi memudahkan pengagihan bantuan kepada mangsa banjir.

"Semalam, kira-kira 100 sukarelawan daripada NGO sekitar Terengganu hadir mendengar sendiri taklimat pengurusan bencana banjir ini dan ramai lagi akan bersama kami dalam masa terdekat ini," katanya.

-- BERNAMA

Nadma jangka musim tengkujuh bermula pertengahan November ini

Siap sedia hadapi bencana banjir

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS - Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menjangkakan musim tengkujuh yang dikhuatiri menyebabkan banjir di Pantai Timur merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang bakal bermula pada pertengahan November depan.

Ketua Pengarah Nadma, Datuk Abd. Rashid Harun berkata, berdasarkan data yang diberikan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), monsun Timur Laut yang membawa taburan hujan tinggi di kawasan berkenaan bakal bermula pada tempoh tersebut.

Beliau berkata, MET Malaysia juga memaklumkan perairan negara termasuk Pantai Timur akan dilanda fenomena air pasang besar untuk dalam tempoh tiga bulan bermula Oktober hingga Disember depan.

"Kita risau hujan lebat yang berlaku di pedalaman (negeri-negeri Pantai Timur) dalam kuantiti tinggi akan lambat mengalir keluar ke laut akibat fenomena air pasang besar itu sekali gus menyebabkan banjir.

"Sehubungan itu, kita telah membuat persiapan awal dengan memanggil kesemua agensi terlibat di negeri-negeri tersebut bermula dengan Terengganu untuk melakukan simulasi banjir," katan-

ya selepas merasmikan penutup Latihan Persediaan Menghadapi Bencana Banjir Monsun Timur Laut di Kem Batalion 9, Pasukan Gerakan Am di sini semalam.

Abd. Rashid berkata, latihan persediaan menghadapi bencana banjir terbabit melibatkan 100 wakil pelbagai agensi di peringkat daerah seperti pegawai daerah, ketua polis daerah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pendidikan Daerah.

"Latihan persediaan ini juga akan diadakan di negeri-negeri berpotensi bermula dengan Kelantan pada minggu depan," katanya.



ABD. RASHID (duduk, dua dari kanan) mendengar penerangan tentang simulasi latihan banjir bersama wakil dari agensi yang terlibat di Kuala Nerus semalam.



Gempa Bumi Kuat Landa Mexico

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 7.0 pada skala Richter melanda Pusat Mexico pada pukul 2.14 pagi, hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa itu berpusat 91 kilometer (km) Tenggara dari Bandar Mexico dan 15,130 km Timur Laut dari Sandakan, Sabah,

Gempa bumi itu bagaimanapun tidak membawa ancaman tsunami terhadap Malaysia, katanya.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Di Kepulauan Vanuatu

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter berlaku di Kepulauan Vanuatu pada 4.09 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dalam satu kenyataan hari ini berkata gempa bumi itu berpusat di 881 kilometer (km) barat daya dari Nadi, Fiji dan 6,102km tenggara dari Semporna, Sabah.

Gempa bumi itu bagaimanapun tidak membawa ancaman tsunami.

Dalam kenyataan lain, MET Malaysia turut melaporkan gempa bumi kuat berukuran 5.6 pada skala Richter berlaku pada 6.13 pagi di Rantau Timur New Guinea.

Gempa bumi yang berpusat di 3,442km tenggara Semporna, Sabah itu bagaimanapun tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Kertas siasatan pusat tahfiz hampir siap



MOHAMAD FUZI HARUN (tiga dari kiri) bersama Kontinjen Kedah yang menjadi johan inovasi dalam majlis sambutan Hari Inovasi PDRM 2017 di UMK, Kota Bharu, semalam. – UTUSAN/Rosni Masri

KOTA BHARU 20 Sept. - Polis yakin kertas siasatan berhubung kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Datuk Keramat, Kuala Lumpur yang mengorbankan 23 nyawa, Khamis lalu dapat disiapkan dalam masa terdekat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, pihaknya menyedari kes tersebut merupakan kes jenayah berprofil tinggi dan rakyat mahu melihat kesemua individu yang mendalangi kejadian dibawa ke muka pengadilan secepat mungkin.

Jelas beliau, kertas siasatan kes itu sepatutnya sudah lengkap, namun beberapa kekangan dihadapi polis melewati sedikit proses tersebut.

“Antara kekangan itu ialah kita tidak boleh mengambil keterangan mangsa yang masih dirawat di hospital. Kita tidak boleh ganggu mangsa sekarang sehingga keadaan mereka beransur pulih.

“Sementara itu, kita perlu dapatkan laporan agensi seperti TNB (Tenaga Nasional Berhad), bomba, **Jabatan Kimia** dan Forensik. Mereka memerlukan sedikit masa, jadi kita kena akur terhadap tempoh yang diminta sebelum melengkapkan siasatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Inovasi Peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2017 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd. dan Ketua Polis negeri, Datuk Hasanuddin Hassan.

Dalam pada itu, Mohamad Fuzi berkata, desas-desus mengatakan ibu bapa kesemua suspek utama kes akan turut didakwa hanya bersifat spekulasi.

Katanya, ibu bapa suspek tidak mempunyai kaitan dengan kes tersebut dan polis melihat tiada keperluan mendakwa mereka seperti mana dihebohkan di media sosial.

“Itu spekulasi sahaja. Tidak perlu diperbesar-besarkan, saya fikir ibu bapa mereka tidak ada kena-mengena dalam kes ini. Kita kena buat saranan yang adil dan sewajarnya,” ujarnya.